

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : FUNGSI PENASIHAT MASJID DAN SURAU

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah fungsi dan peranan penasihat dalam urus tadbir masjid dan surau?

JAWAPAN:

a) Fungsi dan peranan penasihat dalam urus tadbir masjid dan surau adalah:

- i. Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Kariah masjid atau surau apabila perlu, akan tetapi tidak boleh mengundi.
- ii. Memastikan pengurusan dan pentadbiran masjid atau surau selaras dengan kehendak enakmen, peraturan dan garis panduan yang berkuat kuasa.
- iii. Memberi apa-apa nasihat atau pandangan berkaitan permasalahan yang berlaku di masjid atau surau.
- iv. Mengesyorkan pelaksanaan apa-apa aktiviti bagi tujuan pengimarahannya masjid atau surau.
- v. Menjadi penghubung di antara anggota jawatankuasa masjid dan surau dengan Ahli Jawatankuasa Majlis Pengurusan Komuniti Kampung.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : PROGRAM HIJRAH SELANGOR

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah penerima pembiayaan Program HIJRAH dan berapakah jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri?
- b) Nyatakan statistik peminjam mengikut DUN serta kategori kaum dan umur.

JAWAPAN:

a) dan b)

Berikut adalah bilangan peserta Hijrah Selangor dan jumlah pinjaman sehingga 11 Mac 2019 mengikut DUN serta kategori kaum dan umur.

PERKARA	BILANGAN USAHAWAN	BILANGAN PINJAMAN	JUMLAH PEMBIAYAAN (RM)
HIJRAH SELANGOR	45,088	58,151	434,462,500.00

KOD	DUN	CINA				INDIA				MELAYU				Jum Keseluruhan
		Bawah 30 tahun	30 - 50 tahun	50 tahun ke atas	JUMLAH KAUM	Bawah 30 tahun	30 - 50 tahun	50 tahun ke atas	JUMLAH KAUM	Bawah 30 tahun	30 - 50 tahun	50 tahun ke atas	JUMLAH KAUM	
N01	Sungai Air Tawar	0	7	3	10	3	13	5	21	226	581	276	1,083	1,114
N02	Sabak	5	10	5	20	2	14	2	18	320	573	234	1,127	1,165
N03	Sungai Panjang	0	7	2	9	3	4	2	9	347	879	292	1,518	1,536
N04	Sekinchan	4	33	3	40	2	4	4	10	301	715	321	1,337	1,387
N05	Hulu Bernam	2	18	12	32	4	15	3	22	17	182	66	265	319
N06	Kuala Kubu Baharu	2	7	9	18	7	23	10	40	24	137	47	208	266
N07	Batang Kali	11	23	10	44	5	113	41	159	162	821	283	1,266	1,469
N08	Sungai Burong	0	9	2	11	4	8	4	16	183	638	254	1,075	1,102
N09	Permatang	3	11	5	19	3	18	3	24	166	454	122	742	785
N10	Bukit Melawati	1	6	2	9	6	36	17	59	112	381	137	630	698
N11	Ijok	0	2	1	3	11	69	25	105	35	152	59	246	354

KOD	DUN	CINA				INDIA				MELAYU				Jum Keseluruhan
		Bawah 30 tahun	30 - 50 tahun	50 tahun ke atas	JUMLAH KAUM	Bawah 30 tahun	30 - 50 tahun	50 tahun ke atas	JUMLAH KAUM	Bawah 30 tahun	30 - 50 tahun	50 tahun ke atas	JUMLAH KAUM	
N12	Jeram	2	0	0	2	2	9	5	16	154	704	167	1,025	1,043
N13	Kuang	1	1	5	7	1	14	3	18	26	304	99	429	454
N14	Rawang	2	15	3	20	5	60	13	78	56	386	103	545	643
N15	Taman Templer	0	9	6	15	2	7	5	14	135	395	131	661	690
N16	Batu Caves	0	1	1	2	8	86	18	112	266	669	129	1,064	1,178
N17	Gombak Setia	0	0	0	0	3	8	1	12	181	466	159	806	818
N18	Hulu Klang	0	0	1	1	1	5	1	7	97	305	118	520	528
N19	Bukit Antarabangsa	0	1	0	1	2	2	0	4	32	155	54	241	246
N20	Lembah Jaya	1	2	1	4	4	27	3	34	203	674	191	1,068	1,106
N21	Chempaka	0	7	2	9	0	12	5	17	62	296	118	476	502
N22	Teratai	2	12	4	18	0	8	5	13	68	260	75	403	434
N23	Dusun Tua	0	2	3	5	2	3	1	6	82	378	124	584	595
N24	Semenyih	0	4	0	4	6	22	4	32	80	449	127	656	692
N25	Kajang	2	5	2	9	4	35	11	50	153	697	141	991	1,050
N26	Bangi	0	0	0	0	0	2	1	3	81	434	100	615	618
N27	Balakong	2	6	4	12	8	31	11	50	107	471	145	723	785
N28	Seri Kembangan	2	10	2	14	4	14	2	20	101	315	68	484	518
N29	Seri Serdang	1	13	2	16	9	52	21	82	167	738	177	1,082	1,180
N30	Kinrara	0	8	0	8	9	25	10	44	69	299	88	456	508
N31	Subang Jaya	2	4	6	12	3	16	7	26	62	231	71	364	402
N32	Seri Setia	2	4	2	8	4	54	26	84	78	355	112	545	637
N33	Taman Medan	0	3	2	5	7	31	16	54	129	597	177	903	962
N34	Bukit Gasing	0	11	11	22	3	26	12	41	32	127	49	208	271
N35	Kampung Tunku	0	5	3	8	0	5	2	7	116	368	106	590	605
N36	Damansara Utama	2	12	1	15	3	8	3	14	248	719	174	1,141	1,170
N37	Bukit Lanjan	0	12	1	13	4	34	26	64	61	194	33	288	365
N38	Paya Jaras	0	7	5	12	3	60	26	89	117	647	155	919	1,020
N39	Kota Damansara	0	9	5	14	18	120	37	175	192	1,021	267	1,480	1,669
N40	Kota Anggerik	1	5	0	6	4	19	14	37	202	747	171	1,120	1,163
N41	Batu Tiga	0	0	1	1	1	15	6	22	127	577	181	885	908
N42	Meru	1	13	2	16	4	27	3	34	144	562	114	820	870
N43	Sementa	2	7	5	14	19	96	23	138	125	383	127	635	787
N44	Sungai Pinang	1	9	4	14	3	6	6	15	96	297	68	461	490
N45	Selat Klang	1	0	0	1	1	12	2	15	63	244	71	378	394
N46	Pelabuhan Klang	0	5	3	8	4	35	9	48	169	516	116	801	857
N47	Pandamaran	4	10	1	15	5	34	16	55	160	495	120	775	845
N48	Kota Alam Shah	0	5	2	7	9	32	19	60	34	96	26	156	223
N49	Sungai Kandis	5	21	9	35	56	273	74	403	129	438	105	672	1,110
N50	Sri Muda	1	6	4	11	8	56	17	81	122	693	126	941	1,033
N51	Sijangkang	2	3	2	7	2	26	6	34	150	602	160	912	953
N52	Telok Datok	1	7	5	13	15	58	17	90	66	407	76	549	652
N53	Morib	0	12	5	17	11	61	19	91	123	436	166	725	833

KOD	DUN	CINA				INDIA				MELAYU				Jum Keseluruhan
		Bawah 30 tahun	30 - 50 tahun	50 tahun ke atas	JUMLAH KAUM	Bawah 30 tahun	30 - 50 tahun	50 tahun ke atas	JUMLAH KAUM	Bawah 30 tahun	30 - 50 tahun	50 tahun ke atas	JUMLAH KAUM	
N54	Tanjung Sepat	5	29	26	60	2	13	4	19	79	215	74	368	447
N55	Dengkil	0	1	2	3	5	26	10	41	197	941	239	1,377	1,421
N56	Sungai Pelek	7	61	32	100	5	51	15	71	180	682	185	1,047	1,218
JUMLAH KESELURUHAN		80	490	229	799	319	1,933	651	2,903	7,214	26,498	7,674	41,386	45,088

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : PENSEJAJARAN PROGRAM AIR PERCUMA

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jangkaan jumlah bilangan isi rumah yang mendapat manfaat selepas pelaksanaan pensejajaran Program Air Percuma oleh Kerajaan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Untuk mengenal pasti golongan B40 yang layak menerima bantuan di bawah Program Pemberian Air Percuma, mereka hendaklah berdaftar dengan E-Kasih. Kerajaan Negeri bersama-sama dengan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) akan melaksanakan padanan (intergrasi) data E-Kasih dengan rekod akaun pengguna domestik Air Selangor. Berdasarkan kepada padanan yang telah dibuat, jangkaan jumlah bilangan isi rumah yang layak mendapat manfaat di bawah Program Pemberian Air Percuma ini dianggarkan sebanyak 13,000 keluarga. Kerajaan Negeri juga sedang meneliti untuk membuat padanan nama dengan penerima rekod Bantuan Sara Hidup di Lembaga Hasil Dalam Negeri. Mekanisme terperinci mengenai perkara ini masih dalam penelitian Kerajaan Negeri dan akan diumumkan dalam waktu yang terdekat ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : SKIM MESRA USIA EMAS (SMUE)

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah penerima manfaat daripada Program SMUE mulai Jun 2018 sehingga Februari 2019?
- b) Nyatakan statistik penerima mengikut DUN.

JAWAPAN:

- a) Jumlah penerima bayaran manfaat Skim Mesra Usia Emas (SMUE) mulai Jun 2018 sehingga Februari 2019 adalah seperti berikut.

Penerima Manfaat SMUE Jun 2018 sehingga Februari 2019.

Fasa Bayaran	Jumlah Penerima
Penerima Fasa I	6,739
Penerima Fasa I & II	7,250

- b) Sepanjang tempoh di antara bulan Jun 2018 sehingga Februari 2019, semua pembayaran manfaat kematian SMUE telah dibayar oleh Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan tidak ada sebarang pembayaran yang dibuat oleh Pejabat DUN. Oleh itu pihak kami tidak dapat menyediakan statistik penerima mengikut DUN pembayar.

**Statistik Bayaran fasa I dan II SMUE Jun 2018 sehingga Februari 2019
mengikut Daerah**

Daerah	Bayaran Fasa I	Bayaran Fasa II
Gombak	1140	1324
Hulu Langat	1180	1246
Hulu Selangor	348	365
Klang	836	1285
Kuala Langat	504	574
Kuala Selangor	339	333
Petaling	1796	1518
Sabak Bernam	444	445

Sepang	152	160
JUMLAH	6,739	7,250

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : JAMINAN PEKERJA LADANG

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri Selangor memastikan bahawa pekerja ladang terbela di bawah peruntukan undang-undang sedia ada?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengambil berat dan memastikan nasib pekerja-pekerja ladang dan bekas pekerja ladang di negeri ini terbela. Untuk makluman Yang Berhormat Kota Damansara, Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin telah memperuntukkan dana sebanyak RM2.5 juta pada tahun 2019 khusus bagi pelaksanaan program yang memberi manfaat bukan sahaja kepada pekerja ladang dan bekas pekerja ladang, malahan turut dirasai oleh anak-anak mereka. Suka dimaklumkan, peruntukan tersebut yang dahulunya telah ditetapkan sebanyak RM1.8 juta setahun telah ditingkatkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun ini berdasarkan pencapaian Jawatankuasa dalam memelihara kebajikan pekerja ladang dan bekas pekerja ladang melalui penganjuran program-program yang khusus. Maka, tanggungjawab Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin kini adalah lebih besar dari tahun-tahun sebelum. Kepercayaan yang diberi oleh Kerajaan Negeri terhadap jawatankuasa akan digunakan sehabis baik dalam usaha memastikan kebajikan golongan tersebut dipelihara.

Untuk makluman Yang Berhormat Kota Damansara, terdapat dua portfolio khusus yang diwujudkan bagi membantu para pekerja ladang dan bekas pekerja ladang di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin seperti berikut:

- I. Portfolio Pembangunan Pekerja Ladang
- II. Portfolio Program Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang

Kedua-dua portfolio ini adalah berbeza dari segi pelaksanaannya, namun golongan sasarannya adalah sama melibatkan pekerja ladang dan bekas pekerja ladang.

Di bawah Portfolio Pembangunan Pekerja Ladang, Jawatankuasa telah menganjurkan beberapa bentuk program khusus kepada pekerja ladang dan bekas pekerja ladang di Negeri Selangor termasuklah program-program

perayaan. Antara program yang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang adalah seperti berikut :-

- Perayaan Pesta Ponggal Peringkat Negeri Selangor
- Perayaan Thaipusam Peringkat Negeri Selangor
- Program Bersama Pemimpin-pemimpin Badan Bukan Kerajaan (NGO) Dan Bekas Pekerja Ladang
- Program Lawatan Turun Padang Jawatankuasa Tetap Pekerja ladang Bersama Pekerja-pekerja Ladang di Negeri Selangor
- Program Sambutan Deepavali Peringkat Negeri Selangor

Portfolio Pembangunan Pekerja Ladang telah banyak membantu pekerja ladang dalam meringankan beban dalam arus pemodenan yang semakin berkembang pesat. Pembangunan ekonomi di kalangan pekerja ladang merupakan teras kepada kehidupan yang lebih selesa dan terjamin di masa hadapan. Justeru itu, program-program yang telah dilaksanakan memberi tumpuan kepada pekerja ladang di Negeri Selangor dalam meningkatkan pendapatan sampingan mereka menerusi penganjuran program-program berbentuk kursus kemahiran jangka pendek seperti membuat kek dan coklat, kelas jahitan, kelas solekan, membaiki peralatan, membuat kraftangan serta ceramah dan taklimat yang membantu meningkatkan keyakinan dan semangat di kalangan pekerja ladang untuk terus maju dan berdaya saing. Program-program kemahiran seperti ini dilihat sedikit sebanyak dapat membantu para pekerja ladang mendalami asas-asas kemahiran ilmu yang boleh menjana pendapatan sampingan.

Manakala program-program yang terdapat di bawah Portfolio Program Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang pula adalah seperti berikut :

- i. Sumbangan Bantuan Subsidi Tambang Bas Sekolah**
Pemberian wang RM300.00 kepada setiap anak pekerja ladang yang layak mengikut kriteria permohonan bagi setiap tahun.
- ii. Bantuan Yuran Pengajian (IPTA/IPTS) di Malaysia**
Bantuan Yuran Pengajian maksima sebanyak RM5000.00 setiap pelajar yang layak mengikut kriteria permohonan bagi satu jurusan bagi mengurangkan bebanan yuran pengajian anak-anak kepada ibu bapa.
- iii. Program Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR)**
Penyampaian wang adalah berdasarkan keputusan UPSR yang diperolehi oleh pelajar terbabit. Ia dilaksanakan sebagai penghargaan kepada anak-

anak pekerja ladang yang telah berjaya dan secara tidak langsung mengurangkan beban kos sara hidup kepada ibu bapa yang pekerja ladang.

iv. Program-program Motivasi Anak Pekerja Ladang (Program Ad-Hoc)

Dilaksanakan bagi meningkatkan motivasi dan pendidikan di kalangan anak pekerja ladang di dalam menimba ilmu pendidikan.

Kerajaan Negeri juga senantiasa peka dan maklum akan keperluan anak-anak pekerja ladang khususnya yang menetap di Negeri Selangor. Kesungguhan dan komitmen Kerajaan Negeri dapat dilihat dengan penganjuran pelbagai program yang bertujuan untuk meningkatkan taraf pendidikan dan memupuk kesedaran kepentingan pendidikan di kalangan anak-anak pekerja ladang selaras dengan keperluan semasa.

Salah satu perancangan jangka panjang Kerajaan Negeri terhadap anak-anak pekerja ladang adalah mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih selasa dan kondusif. Dengan adanya persekitaran pembelajaran yang lengkap, secara tidak langsung dapat menarik minat anak-anak pekerja ladang untuk menimba ilmu pengetahuan. Komitmen Kerajaan Negeri berhubung perkara ini dapat dilihat dengan pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Coalfields. Melalui pembinaan projek tersebut, ia dapat membantu anak-anak pekerja ladang untuk menerima pendidikan yang sempurna dengan kemudahan-kemudahan dan teknologi terkini melalui persekitaran pembelajaran yang lebih selamat, selesa dan kondusif. Secara tidak langsung, dengan adanya kemudahan-kemudahan pembelajaran dan akses kepada maklumat pendidikan terkini, ia dapat mendorong dan memupuk minat anak-anak pekerja ladang untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta untuk mencecah cita-cita. Secara tidak langsung, anak-anak pekerja ladang ini dapat memperluaskan bidang pekerjaan dan membantu keluarga meningkatkan taraf sosio-ekonomi dengan menggunakan ilmu pengetahuan dan pendidikan yang telah mereka perolehi dan pelajari.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri akan terus membantu dan menjaga kebajikan pekerja ladang dan anak-anak pekerja ladang selaras dengan dasar-dasar Kerajaan Negeri sedia ada serta penguatkuasaan Undang – undang Buruh Di Malaysia : Akta Pekerja 1955. Selaras dengan akta berkenaan, Kerajaan Negeri turut mempunyai *Estet Land Board (ELB)* yang bertujuan untuk menyemak dan meluluskan apa-apa transaksi ladang yang mempunyai keluasan melebihi 100 ekar bagi tujuan pembangunan. Pertimbangan dan kelulusan ini juga akan mengambil kira fasiliti yang terdapat di dalam ladang berkenaan seperti sekolah, rumah ibadat, tapak perkuburan dan sebagainya. Ia adalah bagi membantu mereka untuk mendapat pembelaan yang sewajarnya

demi memastikan mereka terus berdaya saing dan maju seiring dengan pembangunan negara yang semakin pesat membangun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR
(N39 KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : GOLONGAN PEKERJA-PEKERJA

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa jumlah kesatuan sekerja serta jumlah ahli yang berdaftar di Negeri Selangor?
- b) Mohon senaraikan kes-kes berkaitan isu pekerja-pekerja Selangor yang masih berjalan di peringkat JPP (Jabatan Perhubungan Perusahaan) dan di Mahkamah Perusahaan.
- c) Berapakah jumlah syarikat syarikat berdaftar di Negeri Selangor yang belum dan yang telah mempraktikkan kadar gaji RM1100?

JAWAPAN:

- a) Merujuk kepada rekod kesatuan sekerja yang berdaftar dengan **Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM)**, sehingga Disember 2018 terdapat sebanyak **291 kesatuan sekerja** berdaftar di Negeri Selangor dengan keahlian seramai **658,110 orang**.

Daripada pecahan bilangan kesatuan ini, **54 buah kesatuan adalah daripada sektor awam, 32 buah kesatuan sektor badan berkanun dan 205 buah kesatuan adalah daripada sektor swasta.**

- b) Berdasarkan rekod Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP), senarai kes-kes berkaitan isu pekerja - pekerja di Negeri Selangor yang dikendalikan dan masih dalam kendalian sehingga 28 Februari 2019 seperti berikut:-

1. Representasi Pemulihan Kerja

Tahun	Jumlah Kes Kendali	Selesai	Dalam Tindakan	Catatan
2018	1,578	1,488	90	Kes-kes dalam tindakan dalam proses penyediaan laporan untuk rujukan YB Menteri.
2019 (1 /1/2019- 28/2/2019)	288	39	249	Masih dalam proses runding damai

2. Pertikaian Perusahaan

Seksyen	Jumlah Kes Kendali	Selesai	Dalam Tindakan	Catatan
SEK. 18	2018 = 22	2018 = 8	2018 = 14	Penyediaan laporan dan runding damai.
	2019=13	2019 = 2	2019 = 11	
SEK. 13	2018 = 12	2018 = 6	2018 = 6	Penyediaan laporan dan runding damai.
	2019 = 4	2019 = 0	2019 = 4	
SEK.8	2018 = 1	2018 = 0	2018 = 1	Penyediaan laporan dan runding damai.
	2019 = 1	2019 = 0	2019 = 1	
SEK. 9(1A)	2018 = 6	2018 = 2	2018 = 4	Penyediaan laporan dan runding damai.
	2019 = 2	2019 = 0	2019 = 2	
SEK. 9	2018 = 0	2018 = 0	2018 = 0	Runding damai
	2019 = 4	2019 = 2	2019 = 2	

- **Kes Dalam Tindakan 2018: 25 Kes**

- **Kes Dalam Tindakan 2019: 27 Kes**

* Senarai kes-kes seperti dilampiran.

- c) Jumlah majikan berdaftar dalam rekod Jabatan Tenaga Kerja Selangor sebanyak 141,574 buah majikan. Mulai 1 Januari 2019, Perintah Gaji Minimum (Pindaan) 2018 telah berkuat kuasa yang mengkehendaki majikan membayar gaji minimum RM1,100.00 sebulan kepada semua pekerjanya. Melalui pemeriksaan berkanun terhadap majikan, pematuhan gaji minimum yang dilaksanakan setakat bulan Februari 2019 mendapati kesemua majikan yang diperiksa mematuhi perintah tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : INISIATIF PEDULI RAKYAT

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan maklumat-maklumat terkini kesemua program Inisiatif Peduli Rakyat di bawah Kerajaan Negeri Selangor termasuk jenis IPR (apakah perubahan polisi Kerajaan Selangor sekiranya ada?), kelayakan memohon serta cara-cara memohon.
- b) Apakah program IPR yang tidak lagi diteruskan mulai tahun 2019?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, senarai IPR Selangor adalah seperti di lampiran I.
- b) Berdasarkan Ucapan Belanjawan 2019 pada 23 November 2018 telah diumumkan bahawa agenda pelaksanaan program-program IPR akan diteruskan secara lebih holistik dan tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerkasaan kepada penerima manfaat IPR di Selangor.

Selain itu, penjajaran IPR juga akan mengambil kira perkara seperti berikut:

- i. Penekanan konsep daripada pemberian kepada pengupayaan (*empowerment*);
- ii. Penekanan kepada program-program kesedaran; dan
- iii. Fokus kepada kumpulan sasaran yang tepat.

Berdasarkan cadangan daripada Persidangan Pengendali IPR Selangor pada 25 hingga 26 Februari 2019, kesemua 43 Program IPR akan dijajarkan kepada 3 kategori utama iaitu seperti berikut :

- i. Diteruskan Seperti Sedia ada yang merangkumi 20 Program IPR;
- ii. Diteruskan Dengan Pindaan yang merangkumi 14 Program IPR; dan
- iii. Diteruskan Dengan Kolaborasi IPR Sedia Ada yang merangkumi 9 Program IPR

(Maklumat lanjut adalah seperti di lampiran II)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : BIASISWA NEGERI SELANGOR

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jenis-jenis program biasiswa yang kini terdapat di bawah Kerajaan Negeri Selangor secara terperinci dan bilakah tarikh permohonan untuk biasiswa-biasiswa tersebut?

JAWAPAN:

- a) Bermula tahun 2019, program-program pembiayaan pendidikan di bawah Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor telah dijangka di bawah Peduli Siswa. Program Peduli Siswa akan dilaksanakan dalam bentuk pinjaman boleh ubah dan biasiswa seperti berikut:

Bil	Program	Bentuk Pembiayaan	Cadangan Tarikh Permohonan Dibuka
1	Biasiswa Khas Dato Menteri Besar	Biasiswa	Februari – Mac
2	Pinjaman Boleh Ubah Luar Negara	Pinjaman Boleh Ubah	April / Mei
3	Selangor Brain Bank	Biasiswa	April / Mei
4	Pinjaman Boleh Ubah Dalam Negara	Pinjaman Boleh Ubah	Ogos
5	Biasiswa Sagong Tasi	Biasiswa	Sepanjang tahun

Walau bagaimanapun, tarikh permohonan sebenar adalah tertakluk kepada perubahan oleh Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : KLASIFIKASI GOLONGAN B40, M40, T20 DI SELANGOR DAN MALAYSIA

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Rakyat Malaysia dibahagikan kepada golongan B40, M40 dan T20. Adakah klasifikasi ini hanya berdasarkan median pendapatan?
- b) Sekiranya begitu, adakah terdapat sebarang perbezaan klasifikasi golongan B40, M40 dan T20 di Malaysia (purata seluruh negara) berbanding Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) B40, M40 dan T20 adalah istilah-istilah yang digunakan untuk membahagikan rakyat Malaysia kepada kumpulan atau golongan berdasarkan isi rumah. B40, M40 dan T20 adalah singkatan kepada Bottom 40%, Middle 40% dan Top 20% dan istilah ini merujuk kepada nisbah bilangan isi rumah setiap kumpulan berbanding jumlah keseluruhan bilangan isi rumah di Malaysia.

Untuk menentukan julat pendapatan bagi setiap kumpulan, setiap isi rumah disenaraikan mengikut pendapatan. Bermula dengan isi rumah yang berpendapatan paling tinggi diletakkan di kedudukan paling atas sehinggalah isi rumah yang berpendapatan paling rendah di kedudukan paling bawah. Kemudian barulah jumlah isi rumah ini dibahagi kepada tiga bahagian iaitu 20% paling atas, 40% pertengahan dan 40% paling bawah.

- b) Perbezaan klasifikasi golongan B40, M40 dan T20 di Malaysia adalah merujuk kepada had pendapatan kasar isi rumah bulanan mengikut isi rumah. Perinciannya adalah berdasarkan Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan seperti di **LAMPIRAN 1**.

LAMPIRAN 1**Jadual 3: Had Pendapatan kasar isi rumah bulanan mengikut kumpulan isi rumah dan negeri, Malaysia, 2016**

Negeri	Had Pendapatan (RM)		
	Terendah 40%	Pertengahan 40%	Tertinggi 20%
Malaysia	< 4,360	4,360 - 9,619	≥ 9,620
Johor	< 4,830	4,830 - 9,409	≥ 9,410
Kedah	< 3,180	3,180 - 6,889	≥ 6,890
Kelantan	< 2,570	2,570 - 5,869	≥ 5,870
Melaka	< 4,770	4,770 - 9,519	≥ 9,520
Negeri Sembilan	< 3,930	3,930 - 8,009	≥ 8,010
Pahang	< 3,540	3,540 - 6,809	≥ 6,810
Pulau Pinang	< 4,640	4,640 - 9,199	≥ 9,200
Perak	< 3,460	3,460 - 6,979	≥ 6,980
Perlis	< 3,660	3,660 - 6,769	≥ 6,770
Selangor	< 6,180	6,180 - 12,469	≥ 12,470
Terengganu	< 4,070	4,070 - 8,109	≥ 8,110
Sabah	< 3,270	3,270 - 7,599	≥ 7,600
Sarawak	< 3,460	3,460 - 7,609	≥ 7,610
W.P. Kuala Lumpur	< 7,640	7,640 - 15,159	≥ 15,160
W.P. Labuan	< 5,090	5,090 - 10,629	≥ 10,630
W.P. Putrajaya	< 7,380	7,380 - 14,789	≥ 14,790

(Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : ISU KEBANJIRAN WARGA ASING DI SELANGOR

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Semakin banyak warga asing tanpa izin yang menetap di Selangor. Apakah tindakan Kerajaan mengatasi isu kebanjiran warga asing tanpa izin yang tinggal di Selangor, khususnya kawasan Kampung Kayu Ara bawah DUN Bandar Utama?

- b) Apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi mengesan warga-warga asing tanpa izin yang menetap di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Keperluan pekerja asing khususnya dalam sektor pembinaan, pembuatan, perkhidmatan dan pembantu rumah masih menjadi keutamaan majikan di negara ini bagi melicinkan operasi perjalanan sektor terbabit. Kebergantungan negara kepada tenaga kerja warga asing sehingga Februari lalu dalam pelbagai sektor dianggarkan berjumlah **1.8 juta orang**. Secara keseluruhan, Negeri Selangor menjadi tumpuan lambakan warga asing tanpa izin kerana banyak faktor termasuk faktor ekonomi. Pihak Jabatan Imigresen Negeri Selangor menangani aduan dari orang awam melalui pelbagai sumber bagi mengesan keberadaan warga asing. Mengikut statistik aduan yang dipecahkan mengikut daerah, kawasan Kayu Ara adalah di bawah daerah Petaling yang mencatatkan aduan yang agak tinggi berbanding daerah-daerah lain di Selangor. Bilangan aduan yang dicatatkan pada tahun 2018 adalah sebanyak 1550 dan jumlah aduan yang telah diselesaikan **sebanyak 267 kes**. Daerah Petaling khususnya kawasan Kayu Ara telah diberikan tumpuan dan buktinya pada bulan Januari tahun ini, Jabatan Imigresen Negeri Selangor telah **melancarkan Ops Sapu** dengan menghasilkan tangkapan seramai 28 orang. Pada bulan Februari pula, **Ops Kutip** telah dilakukan di persekitaran kawasan perumahan Jalan Masjid yang mana telah melibatkan tangkapan seramai 30 orang pendatang asing .

Manakala statistik keseluruhan pada tahun lepas yang berakhir pada 31 Disember 2018 adalah sebanyak **5,681 tangkapan**. Secara amnya, sebanyak **889 operasi** telah dijalankan sepanjang tahun lepas, sejumlah **16,584 jumlah pemeriksaan** telah dilakukan, seramai **5,550 tangkapan** pati diperolehi dan **131 majikan** telahpun diambil tindakan sama ada kompaun ataupun didakwa. **Daerah Petaling dan Klang mencatatkan bilangan operasi**

penguatkuasaan terbanyak iaitu sebanyak 404 dan 203 berikutan aduan tertinggi yang diterima bagi kedua-dua kawasan ini.

- b) Setiap warganegara asing yang ingin bekerja haruslah berdaftar dengan pihak Jabatan Imigresen Malaysia terlebih dahulu. Pada tahun 2018 seramai 616,719 orang pekerja yang telah berdaftar berdasarkan Pas Lawatan Sosial yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Negeri Selangor dan sehingga Februari 2019, telah direkodkan menjadi 720,000 orang.

Terdapat juga Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang (PLS) yang telah dikeluarkan sebanyak 16,342 yang mana merangkumi permohonan baru sebanyak 4,319 dan permohonan lanjutan sebanyak 12,023.

Naziran berkala yang telah dijalankan adalah melibatkan tiga warganegara asing iaitu Vietnam, Thailand dan Pakistan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE)

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kebaikan menukar sesebuah dewan komuniti biasa kepada Pusat Aktiviti Warga Emas? Apakah jenis dana ataupun peruntukan yang akan diperolehi sekiranya PAWE dibuka?
- b) Apakah jenis-jenis bangunan yang telah dijadikan sebagai Pusat Aktiviti Warga Emas? Adakah kebanyakan daripada bangunan dimiliki oleh Kerajaan Tempatan?
- c) Siapakah yang akan bertanggungjawab memiliki serta mengendalikan PAWE yang dibuka?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) merupakan tempat bagi warga emas menjalankan program dan aktiviti harian di dalam komuniti. Ianya merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial dan pembangunan warga emas yang melibatkan kerjasama strategik antara agensi kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan komuniti setempat.

Kriteria penubuhan sesebuah PAWE adalah perlu mengambil kira perkara-perkara berikut:

- i) Bilangan warga emas yang ramai dan berminat untuk menjalankan aktiviti di dalam sesebuah komuniti;
- ii) Lokasi premis yang strategik dan mudah diakses oleh warga emas dan orang awam. Ianya juga biasanya berhampiran dengan kemudahan awam;
- iii) Premis yang dipilih hendaklah mesra warga emas dan sesuai dengan program dan aktiviti yang hendak dijalankan seperti bangunan kerajaan, premis swasta, kuarters, balairaya dan sebagainya;
- iv) Komuniti penggerak yang mempunyai minat dan komitmen dalam mengendalikan warga emas seperti Pertubuhan Bukan Kerajaan, persatuan, komuniti setempat atau agensi swasta yang akan menjadi tulang belakang terhadap pelaksanaan PAWE; dan

- v) Mendapat sokongan terlebih dahulu daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat/ Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri bagi membolehkan proses permohonan dibuat.

Permohonan penubuhan PAWE sekiranya diluluskan oleh Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat bakal menerima geran penubuhan untuk pembaikan premis dan pembelian peralatan sebanyak RM80,000 secara *one-off* dan geran pengoperasian sebanyak RM33,330 untuk tempoh 12 bulan. Sehubungan dengan itu, jika bangunan dewan komuniti ditukar kepada PAWE akan dapat dibaik pulih untuk kegunaan warga emas dan komuniti.

Pertubuhan/ Persatuan/ Kelab atau mana-mana organisasi PAWE perlu menandatangani Perjanjian Bantuan Kewangan Pengoperasian PAWE bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan mengikut tatacara dan mekanisme pelaporan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

- b) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sehingga akhir Februari 2019 sebanyak 10 PAWE telah ditubuhkan di Negeri Selangor dan beroperasi di bangunan seperti berikut:

BIL.	NAMA PAWE	ALAMAT	JENIS BANGUNAN
1.	PAWE Jenjarom	Lorong 21, Jalan Sekolah, Kg. Baru Jenjarom, 42600 Jenjarom, Kuala Langat, Selangor.	Bangunan dibina khas untuk pembinaan PAWE pada tahun 2002
2.	PAWE Sabak Bernam	Jalan Parit 1 Timur, 45300 Sungai Besar, Selangor.	Bangunan dibina khas untuk pembinaan PAWE pada tahun 2002
3.	PAWE Sungai Buloh	Kompleks Penyayang BAKTI Jalan Meranti, SD 13/4 Off Persiaran Meranti, Bandar Sri Damansara, 52200 Petaling, Selangor.	Sebuah bangunan rumah di dalam kawasan Kompleks Penyayang Bakti Sungai Buloh
4.	PAWE Taman Sri Kantan, Hulu Langat	Jalan 4, Taman Sri Kantan 43000 Kajang, Selangor.	Sebuah bangunan bekas balairaya
5.	PAWE Kg. Sri Langkas Tambahan, Subang Jaya	Lot 93, Kampung Sri Langkas Tambahan, Batu 13, 47100 Puchong, Selangor	Sebuah bangunan bekas Dewan Orang Ramai

BIL.	NAMA PAWE	ALAMAT	JENIS BANGUNAN
6.	PAWE Kg. Kenanga Gombak	d/a No 2, Jln Ros Kg Kenanga, 48000 Rawang, Selangor .	Bekas bangunan JKKK
7.	PAWE Sepang	Lot 2835, Jalan Seri Jaya Kampung Hulu Chuchoh 43950 Sungai Pelek Sepang, Selangor.	Bangunan kediaman jenis milik persendirian yang diberikan kebenaran untuk aktiviti PAWE
8.	PAWE FELDA Bukit Cherakah, Klang	Jalan 9, Felda Bukit Cerakah 42200 Kapar, Selangor.	Bekas bangunan Koperasi
9.	PAWE Kampung Telok Menegon Klang	Batu 3, Jalan Kota Raja, Kampung Telok Menegon, Seksyen 36, 40460 Shah Alam.	Bangunan bekas Sekolah Agama.
10.	PAWE Subang Jaya	40, Jalan USJ 6/6K 47610 Subang Jaya Selangor.	Bangunan kediaman lot tepi milik Kelab Warga Emas Subang Jaya

Sehingga kini, hanya 3 buah PAWE menggunakan bangunan yang dimiliki oleh Kerajaan Tempatan dan dibaik pulih dengan peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan

- c) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, tanggungjawab mengendalikan PAWE adalah di bawah Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Pertubuhan/ Persatuan/ Kelab atau mana-mana organisasi PAWE yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966. Jawatankuasa ini berfungsi sebagai:
- a. bertanggungjawab bagi pengurusan dan pentadbiran PAWE;
 - b. merancang, mengawal selia dan melaporkan pengurusan kewangan dengan cekap, teratur dan amanah;
 - c. menyelesaikan apa-apa isu atau pertelingkahan yang mungkin berbangkit di dalam sesebuah Jawatankuasa atau di PAWE;
 - d. mematuhi apa-apa arahan dan peraturan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat; dan
 - e. melaksanakan apa-apa fungsi lain yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat.

Segala urusan PAWE adalah tertakluk kepada Garis Panduan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Pindaan 2018 yang mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : SKIM SMART SEWA

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah penduduk-penduduk Selangor yang telah mendapat manfaat daripada program Skim Smart Sewa setakat ini?
- b) Bagaimanakah proses memohon Skim Smart Sewa oleh penduduk Selangor yang berminat? Apakah syarat-syaratnya dan berapakah yang telah memohon setakat ini?
- c) Selain daripada tidak hutang dalam membayar sewa, apakah sebab-sebab lain yang akan mengakibatkan kelayakan peserta Skim Smart Sewa terbatal? (contohnya, bayar sewa tetapi tidak membayar kos penyelenggaraan)

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, seramai 341 pemohon yang telah mendapat manfaat daripada program Skim Smart Sewa setakat ini berdasarkan 341 unit yang telah siap dan telah disewakan seperti berikut :

BIL.	PROJEK	LOKASI	BIL. UNIT	STATUS PROJEK
1.	Pangsapuri Tun Teja (Jenis A)	Alam Impian	5	Telah disewakan
2.	Pangsapuri Arista (Jenis A)	Bandar Parklands	11	Telah disewakan
3.	Pangsapuri Rimba Jaya (Jenis A)	Shah Alam	41	Telah disewakan
4.	Pangsapuri @ Jalan Keretapi Lama (Pemberimilikan)	Kapar	64	Telah disewakan
5.	Taman Damai Utama (Jenis A)	Puchong	110	Telah disewakan
6.	Bandar Seri Coalfields (Jenis D)	Ijok	10	Telah disewakan
7.	Pangsapuri Asteria (Jenis C)	Klang	50	Telah disewakan
8.	Pangsapuri Azaria (Jenis C)	Klang	50	Telah disewakan

BIL.	PROJEK	LOKASI	BIL. UNIT	STATUS PROJEK
JUMLAH			341	Unit

Manakala sebanyak 101 unit lagi yang telah siap pada awal tahun 2019 akan dibuka permohonan kepada orang awam dalam masa terdekat ini.

- b) Proses permohonan untuk Skim Smart Sewa boleh dibuat dengan memuat turun borang permohonan di laman sesawang Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB) iaitu <http://phssb.com/borang/> atau pemohon boleh hadir ke Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB) di Bangunan SUK Shah Alam bagi mendapatkan borang permohonan Skim Smart Sewa. Selepas melengkapkan permohonan tersebut, pemohon diminta mengemukakan permohonan ke PHSSB dan seterusnya PHSSB akan melaksanakan proses saringan pemilihan sebelum penawaran unit dibuat kepada pemohon yang layak.

Syarat-syarat kelayakan pemohon bagi Skim 'Smart Sewa' untuk Rumah Selangorku adalah seperti berikut :

1. Warganegara Malaysia termasuk pasangan pemohon;
2. Berusia 18 tahun ke atas dan berkeluarga atau mempunyai tanggungan;
3. Pendapatan seisi keluarga iaitu ;
 - (i) tidak melebihi RM5,000.00 sebulan dan ke bawah bagi permohonan sewa rumah Jenis A atau Rumah Kos Rendah.
 - (ii) tidak melebihi RM15,000.00 sebulan dan ke bawah dengan keutamaan diberikan kepada pendapatan kurang daripada RM10,000.00 sebulan bagi permohonan sewa rumah Jenis B, C dan D termasuk rumah kos sederhana dan sederhana rendah ;
4. Pemohon atau suami/ isteri tinggal atau bekerja di Negeri Selangor;
5. Pemohon tidak mempunyai atau memiliki kediaman di Selangor (diberi keutamaan); atau mempunyai kediaman tetapi terletak melebihi 50 km daripada tempat sewa dipohon serta mestilah berdekatan dalam lingkungan 25 km perjalanan dari tempat kerja;

6. Pemohon merupakan pengundi di Negeri Selangor;
 7. Tempoh sewaan minima selama 2 tahun akan diberikan pemulangan sewaan sebanyak 30% daripada jumlah sewaan bersih yang dibayar apabila mereka tidak lagi tinggal di unit berkenaan. Tempoh maksima sewaan adalah 5 tahun; dan
 8. Penyewa akan diberikan pemulangan sewaan 30% daripada jumlah sewaan bersih yang dibayar sekiranya menamatkan perjanjian sewaan dalam tempoh minima setahun atas sebab berpindah ke Rumah Selangorku yang ditawarkan oleh LPHS.
- c) Kelayakan peserta Skim Smart Sewa akan terbatal sekiranya penyewa :
- (i) Gagal untuk menjelaskan sewaan bulanan sebelum atau pada 7 haribulan setiap bulan;
 - (ii) Mempunyai tunggakan sewa bulanan (melebihi satu bulan) dan/ atau tunggakan bayaran utiliti;
 - (iii) Adalah seorang yang diisytiharkan bankrap/muflis;
 - (iv) Disabitkan dengan sebarang kesalahan jenayah oleh mahkamah;
 - (v) Penyewa atau suami/isteri, dalam tempoh Perjanjian ini, mempunyai rumah kediaman atau tanah yang diperolehi secara beli, pesaka, pajak, hadiah atau lain-lain cara yang terletak di dalam lingkungan 50km daripada unit sewaan ini atau
 - (vi) Melepaskan posesi Premis tersebut atau sebahagian daripadanya kepada orang lain atau mengambil orang-orang tumpangan;
 - (vii) Melakukan perbuatan tidak bermoral, salahlaku dan melakukan pelanggaran lain-lainsyarat atau terma seperti yang terkandung di dalam perjanjian sewa.

Sehingga kini, jumlah permohonan untuk Skim Smart Sewa adalah seramai 1,930 permohonan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : RIZAB BERSIH KEWANGAN PBT

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila senaraikan jumlah rizab bersih di setiap PBT sehingga yang terkini.

JAWAPAN:

a) Butiran terperinci kesemua rizab tunai PBT Negeri Selangor dengan mengambil kira keserataaran tunai ditolak dengan liabiliti semasa sejak tahun 2013 hingga tahun 2017 adalah seperti jadual berikut:

PBT	Rizab Tunai Tahun 2013 (RM Juta)	Rizab Tunai Tahun 2014 (RM Juta)	Rizab Tunai Tahun 2015 (RM Juta)	Rizab Tunai Tahun 2016 (RM Juta)	Rizab Tunai Tahun 2017 (RM Juta)
MBSA	44.16	370.84	401.13	454.81	303.35
MBPJ	308.25	415.17	411.21	360.08	98.43
MPK	(68.14)	28.86	82.89	176.15	90.34
MPAJ	69.43	92.87	107.91	90.73	36.37
MPSJ	67.02	128.49	102.52	120.70	(4.40)
MPS	3.87	44.77	70.52	150.54	29.87
MPKj	97.78	172.84	207.50	264.68	73.91
MPSP	84.12	133.04	192.29	250.40	177.14
MDKL	11.29	28.77	35.03	47.42	41.06
MDHS	11.58	16.32	43.88	56.83	56.26
MDKS	(6.37)	(8.05)	12.16	13.12	(64.55)
MDSB	7.95	9.40	5.58	4.85	1.18
JUMLAH	630.94	1,433.32	1,672.62	1,990.31	839.96

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : PEMBERDAYAAN WANITA MELALUI PROGRAM "WORK FROM HOME"?

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan terkini mengenai agenda pemberdayaan golongan wanita melalui "*Work From Home*"? Bilakah Kerajaan Negeri akan memulakan program ini dan bagaimanakah golongan wanita di Selangor boleh melibatkan diri?

JAWAPAN:

- a) Agenda pemberdayaan golongan wanita melalui '*Work From Home*' di bawah Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga telah dimulakan melalui projek perintis yang melibatkan penyertaan seramai 87 orang peserta Kasih Ibu *Smart* Selangor (KISS) sedia ada yang terpilih. Pemilihan penerima KISS sebagai perintis peserta '*Work From Home*' ini adalah bagi memberi ruang dan peluang agar mereka mampu berdikari untuk menjana pendapatan keluarga dan keluar daripada kepompong kemiskinan serta tidak lagi mempunyai sikap kebergantungan kepada bantuan-bantuan kewangan oleh Kerajaan Negeri semata-mata.

Sebagai makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pelbagai syarikat telah menunjukkan minat dan memberikan kerjasama positif untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam menjayakan agenda '*Work From Home*' dengan memberikan kemahiran sehingga para peserta ini mampu untuk menjana pendapatan. Kertas-kertas cadangan yang diterima daripada syarikat-syarikat ini akan disaring diperingkat Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga bagi memastikan hanya syarikat yang bukan hanya mampu memberi kemahiran tetapi juga menyediakan ruang pemasaran kepada para peserta. Setelah pemilihan syarikat-syarikat tersebut dimuktamadkan, maka kesesuaian penglibatan golongan wanita akan disenaraikan agar agenda '*Work From Home*' ini dapat dimanfaatkan oleh semua golongan wanita di Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : PENGGUNAAN PANGKALAN DATA KEMISKINAN (E-KASIH)

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kerajaan kini telah mula menggunakan sistem E-Kasih bagi merancang dan melaksanakan program kemiskinan. Program-program apakah di bawah Kerajaan Negeri Selangor yang diluluskan permohonannya hanya berdasarkan sistem E-Kasih?

JAWAPAN:

- a) Bagi pelaksanaan pemberian bantuan Kerajaan Negeri Selangor melalui Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) Selangor, E-Kasih adalah salah satu sumber data yang dicadangkan untuk digunakan bagi Kerajaan Negeri Selangor sebagai salah satu sumber verifikasi data penerima bantuan selain daripada data daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) serta sumber data asal setiap Program IPR tersebut. Sumber data yang akan dibangunkan bersama pihak ICU, JPM melalui Sistem E-Kasih ini akan merangkumi profil individu, program/ bantuan yang diterima oleh Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) mengikut Penetapan Garis Kemiskinan (PGK) Negeri Selangor iaitu RM1,500.00

Untuk makluman, pada masa ini, Kerajaan Negeri masih belum menggunakan Sistem e-Kasih untuk memproses permohonan IPR. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri dengan kerjasama syarikat *Communication Corporation Sdn. Bhd.* di bawah Perbadanan Menteri Besar (MBI) sedang membangunkan Sistem *Smart* IPR bagi memudahkan urusan permohonan, semakan dan kelulusan permohonan IPR menerusi *One Stop Centre* yang akan digunapakai oleh kesemua Program IPR Kerajaan Negeri Selangor. Sistem ini akan turut menggunakan data dari Sistem e-Kasih untuk pengurusan IPR pada masa hadapan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN KESELAMATAN DI DUN BANDAR UTAMA

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan sekiranya ada, apa-apa projek pembangunan keselamatan (contoh : CCTV, lampu LED dan sebagainya) di bawah DUN Bandar Utama oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan.

JAWAPAN:

a)

DUN	PROJEK PEMBANGUNAN KESELAMATAN	
	CCTV	LED
BANDAR UTAMA	-	<p><u>PROJEK LAMPU LED 2015</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Cadangan kerja-kerja menaiktaraf lampu jalan jenis LED di Persiaran Cemara – Persiaran Bukit Utama untuk Tetuan Majlis Bandaraya Petaling Jaya <p><u>PROJEK LAMPU LED 2016</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Cadangan kerja-kerja menaiktaraf lampu jalan jenis LED di Lebuhraya Bandar Utama dan Persiaran Bandar Utama untuk Tetuan Majlis Bandaraya Petaling Jaya

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : TANAH PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR (PKPS)
DI SELANGOR**

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan tanah milikan PKPS yang diusahakan secara sendiri atau usaha sama dengan anak syarikat Kerajaan Negeri/syarikat luar di seluruh Selangor secara terperinci.
- b) Senaraikan tanah milikan PKPS yang telah disewa dan dipajak kepada pihak lain di seluruh Selangor secara terperinci.
- c) Adakah tanah milikan PKPS yang masih merupakan tanah kosong dan terbiar di seluruh Selangor? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

JAWAPAN:

- a) PKPS mempunyai tanah-tanah berstatus pertanian di Selangor seluas 6,252.81 hektar. Daripada jumlah keluasan tersebut, PKPS telah menjalankan projek pertanian seluas 4,490.18 hektar dan menjalankan secara usaha sama dengan anak syarikat Kerajaan Negeri/Syarikat luar bagi projek pembangunan hartanah dan perlombongan seluas 647.58 hektar.

Senarai tanah milikan PKPS yang diusahakan sendiri di seluruh Selangor mengikut daerah adalah seperti berikut :-

BIL	DAERAH	MUKIM	LUAS (HEKTAR)	CATATAN
1	Kuala Langat	Tanjung Dua Belas	61.156	Ladang kelapa sawit PKPS
2		Tanjung Dua Belas	39.733	Ladang kelapa sawit PKPS
3		Tanjung Dua Belas	211	Ladang kelapa sawit PKPS
4	Kuala Selangor	Ulu Tinggi	346.93	Ladang kelapa sawit PKPS Ulu Tinggi
5		Ulu Tinggi	161	Ladang Kelapa Sawit PKPS
6		Ulu Tinggi	3.3368	Ternakan ayam PKPS

BIL	DAERAH	MUKIM	LUAS (HEKTAR)	CATATAN
7		Ulu Tinggi	9.4157	Ternakan ayam PKPS
8	Hulu Selangor	Ulu Yam	80.39	Ladang Kelapa Sawit PKPS
9		Kerling	374.9	Ladang kelapa sawit PKPS Kerling PKPS
10		Kerling	63.3	Ladang kelapa sawit PKPS Kerling PKPS
11		Ulu Bernam	8	Ladang Kelapa Sawit PKPS
12	Gombak	Rawang	3.487	Rumah Ayam PKPS
13		Rawang	0.624	Rumah Ayam PKPS
14	Sabak Bernam	Sungai Panjang	1052.18	Ladang Kelapa Sawit PKPS (Sungai Panjang)
15		Sungai Panjang	403.9	Ladang Kelapa Sawit PKPS (Jelutong Jati)
16		Sungai Panjang	121.41	Ladang Kelapa Sawit PKPS (Jelutong Jati)
17		Sungai Panjang	157.82	Ladang Kelapa Sawit PKPS
18		Sungai Panjang	971.24	Ladang Sawit PKPS *Ladang masih belum dibangunkan kerana EIA tidak diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar
19		Sungai Panjang	58	Ladang Kelapa Sawit PKPS
20		Sungai Panjang	16.25	Ladang Kelapa Sawit PKPS
21		Sungai Panjang	329.71	Ladang Kelapa Sawit PKPS
22	Sungai Panjang	16.4	Ladang Kelapa Sawit PKPS	
JUMLAH KESELURUHAN			4,490.18	

Senarai tanah milikan PKPS yang usaha sama dengan anak syarikat Kerajaan Negeri/syarikat luar di seluruh Selangor mengikut daerah adalah seperti berikut:-

BIL	DAERAH	MUKIM	LUAS (HEKTAR)	CATATAN
1	Hulu Langat	Ulu Langat	3.66	Pembangunan Hartanah dengan AZRB
2		Ulu Langat	7.017	Pembangunan Hartanah dengan AZRB
3	Kuala Langat	Tanjung Dua Belas	115.34	Perlombongan pasir dengan KSSB
4		Tanjung Dua Belas	6.07	Perlombongan pasir dengan KSSB
5		Tanjung Dua Belas	73.18	Perlombongan pasir dengan KSSB
6	Kuala Selangor	Ulu Tinggi	121	Perlombongan Tanah Liat dengan KSSB dan Unisil Mineral (M) Sdn Bhd
7	Hulu Selangor	Serendah	168.80	Perlombongan kuari dengan KSSB
8		Serendah	11.33	Perlombongan kuari dengan KSSB
9	Sepang	Dengkil	0.38	Cadangan pembangunan tanah
10		Dengkil	0.54	Cadangan pembangunan tanah
11		Dengkil	2.294	Cadangan pembangunan tanah
12		Dengkil	0.725	Cadangan pembangunan tanah
13		Dengkil	1.38	Cadangan pembangunan tanah
14		Dengkil	0.104	Cadangan pembangunan tanah
15		Dengkil	1.331	Cadangan pembangunan tanah
16		Dengkil	0.127	Cadangan pembangunan tanah
17		Dengkil	0.06	Cadangan pembangunan tanah
18		Dengkil	31.89	Cadangan pembangunan hartanah dengan Masteron Sdn Bhd

BIL	DAERAH	MUKIM	LUAS (HEKTAR)	CATATAN
19		Dengkil	31.89	Cadangan pembangunan hartanah dengan Masteron Sdn Bhd
20		Dengkil	8.94	Cadangan pembangunan hartanah
21		Dengkil	61.5	Cadangan pembangunan hartanah dengan PKNS
JUMLAH KESELURUHAN			647.58	

- b) Pada masa yang sama, PKPS juga telah memajak atau menyewa tanah-tanah berkeluasan kecil kepada pihak ketiga seluas 918.60 hektar.

Senarai tanah milikan PKPS yang telah disewa dan dipajak kepada pihak lain di seluruh Selangor mengikut daerah adalah seperti berikut :-

BIL	DAERAH	MUKIM	LUAS (HEKTAR)	PEMBELI/PEMAJAK	KEGUNAAN SEMASA
1	Hulu Langat	Ulu Langat	30.31	4 Individu	Tanaman Kontan
2		Ulu Semenyih	8.33	Highland Dairies	Ternakan Ikan
3		Ulu Semenyih	48.89	Aliran Sutera & Anggerik Suria Jaya Sdn Bhd	Ternakan Ikan
4		Ulu Langat	16.05	Teoh	Tanaman Kontan
5		Ulu Langat	6.35	Teoh Sian/Elias	Tanaman Kontan
6	Kuala Selangor	Api-Api	0.846	RCR Power Entre	Stor
7		Api-Api	14.98	Pek San	Tanaman Kontan
8	Sepang	Dengkil	11.15	Ng Chee Fatt	Tanaman Kontan
9		Dengkil	32.63	Hashi Bina & Detik Tenaga Sdn Bhd	Tanaman Kontan
10	Hulu Selangor	Ulu Bernam	25	Lintra Biotech Sdn Bhd	Ternakan Ayam Telur
11		Buloh Telor	43.29	Amiali Resources Sdn Bhd	Tanaman Kontan
12	Hulu	Ulu Yam	29.27	Ng Chye Poh	Tanaman Kontan

BIL	DAERAH	MUKIM	LUAS (HEKTAR)	PEMBELI/PEMAJAK	KEGUNAAN SEMASA
13	Selangor	Ulu Yam	19.81	TS Klang Entreprise	Tanaman Kontan
14		Ulu Yam	19.9	TS Klang Entreprise	Tanaman Kontan
15		Kerling	213.2	Ladang Kumpulan Pertanian Jaya Sdn Bhd	Ladang Kelapa Sawit
16					
17	Hulu Selangor	Kerling	314.2	Ladang Kumpulan Pertanian Jaya Sdn Bhd	Ladang Kelapa Sawit
18		Sg Tinggi	0.283	Gold Pond Aquaculture	Ternakan Ikan Air Tawar
19		Sg Tinggi	3.2	Gold Pond Aquaculture	Ternakan Ikan Air Tawar
20		Sg Tinggi	1.495	Gold Pond Aquaculture	Ternakan Ikan Air Tawar
21		Sg Tinggi	3.2	Gold Pond Aquaculture	Ternakan Ikan Air Tawar
22		Sg Tinggi	1.824	Gold Pond Aquaculture	Ternakan Ikan Air Tawar
23		Sg Tinggi	3.96	Gold Pond Aquaculture	Ternakan Ikan Air Tawar
24		Ulu Yam	3.82	Ternakan Ikan Fai Hoe	Ternakan Ikan Air Tawar
25		Serendah	40.71	Yen Aquaculture	Ternakan Ikan Air Tawar
27		Sabak Bernam	Sabak Bernam	2.02	Puan Yeoh
28	Gombak	Rawang	12.14	Yen Aquaculture	Projek Ternakan Ikan Air Tawar
29		Rawang	7.914	Yen Aquaculture	Projek Ternakan Ikan Air Tawar
JUMLAH KESELURUHAN			918.60		

- c) Selebihnya, seluas 196.45 hektar adalah tanah-tanah yang tidak boleh diusahakan oleh PKPS kerana masalah pencerobohan oleh Orang Asli dan keadaan tanah berbukit serta terlalu curam yang tidak sesuai dijalankan dengan pertanian.

PKPS hanya mempunyai tanah-tanah kosong yang tidak boleh diusahakan dengan aktiviti pertanian kerana faktor berikut :-

- (i) Pendudukan orang asli sebelum PKPS diberikan hakmilik tanah tersebut

- (ii) Keadaan tanah berbukit dan curam yang tidak sesuai dijalankan dengan aktiviti pertanian
- (iii) Tiada akses masuk ke tanah

Butirannya adalah seperti berikut:-

BIL	DAERAH	MUKIM	LUAS (HEKTAR)	CATATAN
1	Hulu Selangor	Batang Kali	32.02	Tidak diusahakan kerana terdapat pendudukan orang asli
2		Batang Kali	25.34	Tidak diusahakan kerana terdapat pendudukan orang asli
3		Batang Kali	17.13	Tidak diusahakan kerana terdapat pendudukan orang asli
4		Batang Kali	80.95	Tidak diusahakan kawasan yang berbukit dan curam
5	Hulu Langat	Ulu Langat	13.75	Kawasan berbukit dan tiada akses - 30 meter
6		Ulu Langat	27.261	Kawasan berbukit dan curam
JUMLAH KESELURUHAN			196.45	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : PROJEK MENGGANTI DAN MELEBARKAN JAMBATAN DI ATAS
SUNGAI BATANG KALI FT001**

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah JKR Selangor mempunyai maklumat mengenai pihak Kementerian Kewangan mengkaji semula nilai kontrak Projek Mengganti dan Melebarkan Jambatan di atas Sungai Batang Kali FT001? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.
- b) Adakah JKR Selangor mempunyai maklumat mengenai kemajuan kerja dan tarikh siap Projek Mengganti dan Melebarkan Jambatan di atas Sungai Batang Kali FT001? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

JAWAPAN:

- a) Tiada
- b) Berikut adalah kemajuan kerja dan tarikh siap Projek Mengganti dan Melebarkan Jambatan di atas Sungai Batang Kali FT001:

Kemajuan Fizikal : 25.50% (Sebenar) / 41.32% (Jadual)
15.81% lewat

Tarikh siap : 29 April 2020

Masalah kelewatan disebabkan oleh masalah pengambilan balik tanah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PROJEK TERBENGGALAI DI HULU SELANGOR

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mendapat maklumat terkini mengenai keputusan Mahkamah Persekutuan terhadap Projek Perumahan Taman Lembah Beringin? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.
- b) Status terkini kerja-kerja infrastruktur ke atas projek terbengkalai Kampung Melayu Rasa melalui Tabung Pemulihan Projek Terbengkalai (TEPAT).

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Tetuan Taman Lembah Beringin Sdn. Bhd. selaku pemaju bagi projek pembangunan perumahan Lembah Beringin telah dikenakan perintah penggulungan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 17 Mac 2006. Susulan daripada perintah penggulungan tersebut Tetuan Ferrier Hodgson MH Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai Pengurus & Penerima oleh RHB Bank Berhad telah menjual lot-lot tanah kosong kepada tujuh syarikat. Walau bagaimanapun, penjualan tersebut telah ditentang sehingga ke peringkat Mahkamah Persekutuan di mana tarikh perbicaraan telah ditetapkan pada 27 Mac 2019.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) sentiasa berusaha bagi memastikan usaha pemulihan kemudahan infrastruktur melalui tabung TEPAT bagi projek terbengkalai Kg. Melayu Rasa dapat diselesaikan yang dilaksanakan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT) yang dilaksanakan bersama semua agensi terlibat secara berkala.

Memandangkan projek ini telah lama terbengkalai dan penyelesaian hakmilik individu masih belum selesai, maka Kerajaan Negeri melalui JPPT memutuskan agar Pejabat Tanah Daerah Hulu Selangor (PTDHS) untuk memuktamadkan penyelesaian hakmilik bagi pembeli-pembeli terlebih dahulu sebelum kerja-kerja infrastruktur dipulihkan.

Sehubungan itu, PTDHS dalam tindakan menyelaraskan semua rekod kelulusan senarai nama penerima pemberimilikan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang terlibat bagi projek pembesaran kampung ini sebelum penyediaan kertas ringkasan untuk pertimbangan dan keputusan

penyelesaian semula oleh MMKN yang dijangka pada bulan Ogos 2019. Sementara itu, sebagai alternatif pihak Pejabat Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI) sedang membuat kajian berhubung pemulihan pembangunan projek Kampung Melayu Rasa secara menyeluruh bagi membantu pembeli-pembeli teraniaya ini menyiapkan rumah mereka yang telah sekian lama terbengkalai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PENERIMA KAD PEDULI SIHAT DUN KAMPUNG TUNKU

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah statistik terkini penerima Kad Peduli Sihat DUN Kampung Tunku?

JAWAPAN:

a) Statistik terkini penerima kad Skim Peduli Sihat bagi kawasan Dewan Negeri Kampung Tunku adalah seperti berikut:

JENIS	JUMLAH	%
AKTIF	2256	94.59
BELUM DISAHKAN	11	0.46
DITOLAK	13	0.55